

Headline	Jangka 2015 mencabar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	40,000
Page No	16	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	142 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,160
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,479



# Jangka 2015 mencabar

**LEMBAGA** Tabung Haji (TH) menjangkakan 2015 sebagai tahun mencabar untuk mengulangi pembayaran bonus tahun lalu iaitu sebanyak 6.25 peratus dan bonus tambahan dua peratus kepada pendeposit.

Timbalan Pengarah Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah memberitahu, banyak faktor yang menyumbang kepada persekitaran serba mencabar itu, termasuk bencana banjir pada akhir tahun lepas, penyusutan nilai ringgit serta penurunan harga minyak mentah.

"Ianya masih terlalu awal untuk memaklumkan (anggaran bonus pendeposit) pada masa sekarang.

"Jika anda maklum dengan unjuran pasaran, (keadaan) perniagaan sememang-



nya mencabar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) di sini, semalam.

Pada tahun lalu, TH membuat pembayaran bonus sebanyak RM3.2 bilion kepada 8.6 juta pendeposit; meningkat 23 peratus berbanding 2013.

Jumlah pendapatannya bagi tahun lalu adalah RM3.29 bilion, merosot sedikit berbanding RM3.73 yang diraih pada 2013.

Sementara itu, pembayaran zakat perniagaan TH kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan meningkat kepada RM4.04 juta tahun ini, berbanding RM3.87 juta tahun lepas berikutan prestasi keseluruhan TH yang lebih baik.

Johan memberitahu, TH juga akan meneruskan tumpuannya terhadap teras perniagaan tempatan seperti perbankan Islam, perladangan dan hartanah.

Pada masa sama, TH akan terus kekal aktif sebagai pelabur jangka panjang di pasaran saham tempatan dengan melabur dalam saham terpilih yang berkualiti.

"Ada banyak peluang di sini. Sehubungan itu, kami akan terus menjana lebih banyak pelaburan domestik," katanya.

- Bernama